



PROSES JAMINAN BAGI KES BARU DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH SESYEN DAN MAJISTRET KUALA LUMPUR



8 LANGKAH MUDAH



1

DI MAHKAMAH TERBUKA

OKT dibawa ke hadapan Mahkamah Terbuka. Jaminan dicadangkan oleh Pihak Pendakwa. Rayuan pengurangan jaminan oleh Peguambela/OKT (jika tidak diwakili) dibuat. HMS/Majistret memutuskan jumlah jaminan dan/atau syarat tambahan (cth; serahan passport dan/atau lapor diri).



2

OKT DIBAWA KE LOKAP

Bakal Penjamin bergerak ke Kaunter Jaminan di Aras B1, Bangunan Tengah Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.



3

PERTANYAAN/URUSAN JAMINAN

Bakal penjamin ambil nombor giliran untuk urusniaga: Pertanyaan/Urusan Jaminan. Sila sediakan:

- (a) Nombor kes/nombor kad pengenalan OKT
- (b) Kad pengenalan asal bakal penjamin
- (c) Alamat terkini dan nombor telefon
- (d) Amaun jaminan yang perlu disediakan



4

BORANG CAGARAN

Apabila nombor giliran dipanggil, dan selepas semakan dibuat oleh petugas kaunter, Borang Cagaran akan diserahkan kepada bakal penjamin.



5

BAYARAN JAMINAN

Buat bayaran jaminan di bank atau secara atas talian (e-Jamin). Bayaran jaminan tidak boleh menggunakan Akaun Syarikat atau Akaun Bersama. Bayaran yang dibuat hendaklah mencukupi sebagaimana Perintah HMS/Majistret.




6

SELESAI BAYARAN JAMINAN

Kembali ke kaunter jaminan, ambil nombor giliran dan pilih urusniaga: Selesai Bayaran Jamin. Sila sediakan:

- (a) Borang cagaran disahkan oleh bank/bukti e-Jamin.
- (b) Kad pengenalan asal bakal penjamin
- (c) Passport OKT (jika ada syarat serah passport).



7

SEMAKAN & JANA BON CAGARAN

Setelah nombor dipanggil, petugas kaunter akan membuat semakan dan menjana bon cagaran.



8

TANDATANGAN & PELEPASAN OKT

OKT diiringi polis ke kaunter. Syarat jaminan dan tanggungjawab penjamin diterangkan. Penjamin dan OKT menandatangani bon jaminan. Salinan bon jaminan dan surat lapor diri (jika ada syarat) diserahkan kepada penjamin dan OKT. OKT dilepaskan dari tahanan reman dengan jaminan Mahkamah.



Patuh syarat jaminan dan hadir ke mahkamah pada setiap tarikh yang ditetapkan.



Kegagalan mematuhi syarat jaminan boleh menyebabkan jaminan dibatalkan dan wang jaminan dirampas.



Jika ada sebarang soalan, hubungi Kaunter Jaminan Mahkamah.



Tiada pihak lain luar Mahkamah dibenarkan menguruskan urusan jaminan.